

Kepelbagaian Kurikulum Pengajian Tahfiz Swasta Peringkat Menengah Di Malaysia

Fatin Husna Zaidi¹
Noornajihan Ja'afar²

Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, USIM,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

¹fatinhusna348@raudah.usim.edu.my ²noornajihan@usim.edu.my

Abstrak

Kertas kajian ini bertujuan menyingkap pelbagai jenis pengajian tahfiz swasta yang diintegrasikan bersama kurikulum yang lain pada peringkat menengah di Malaysia. Pengajian tahfiz kini kian berkembang luas dan mendapat tempat di hati ibu bapa dalam menempatkan anak-anak mereka dalam menyambung pengajian. Oleh sebab itu, penelitian dalam kertas kajian dimulakan dengan sejarah ringkas perkembangan tahfiz swasta pada peringkat menengah di Malaysia. Kemudian, mendedahkan jenis kurikulum pengajian tahfiz swasta pada peringkat menengah yang diintegrasikan bersama kurikulum yang lain. Pengkaji menyatakan ciri dan keunikan bagi setiap model kurikulum tahfiz di institusi swasta menengah. Kajian ini dilakukan menggunakan metod dokumen analisis iaitu melalui penulisan ilmiah seperti buku, jurnal, kertas persidangan dan lain-lain. Dapatan kajian ini mendapati 6 model kurikulum tahfiz yang dilaksana setakat ini di institusi tahfiz pada peringkat menengah iaitu tahfiz sepenuh masa, tahfiz integrasi, tahfiz diniyyah, tahfiz pondok, tahfiz kemahiran dan tahfiz berwatak uniform. Diharapkan kertas kajian ini mampu menjadi rujukan asas dalam menerangkan sistem pendidikan tahfiz di Malaysia tanpa menyisihkan institusi tahfiz swasta yang juga menyumbangkan dalam memartabatkan kualiti pendidikan tahfiz negara.

Kata Kunci: Kepelbagaian, Kurikulum, Pengajian Tahfiz Swasta, Menengah

Pendahuluan

Pendidikan agama, khususnya pengajian tahfiz al-Quran, merupakan aspek penting dalam membentuk generasi Muslim yang beriman, berakhlak mulia, dan menghayati ajaran Al-Quran dengan sepenuh hati. Kesedaran umat Islam terhadap kepentingan dan kebaikan menghafaz al-Quran menyebabkan ia menjadi pilihan utama dalam pendidikan anak-anak. Kerancangan pembangunan institusi tahfiz telah mewujudkan dua aliran pendidikan tahfiz iaitu kerajaan dan swasta. Institusi Tahfiz kerajaan merujuk kepada institusi tahfiz yang ditubuhkan oleh kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri manakala institusi tahfiz swasta pula diuruskan secara persendirian oleh individu atau sesebuah organisasi²⁹⁰.

²⁹⁰Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November

Di Malaysia, tahfiz swasta peringkat menengah semakin berkembang pesat dan antara menjadi pilihan utama ibu bapa dalam menyambungkan pendidikan anak-anak mereka. Institusi tahfiz swasta menawarkan pelbagai kurikulum yang mengintegrasikan hafazan al-Quran dengan kurikulum akademik lain, dengan tujuan untuk melahirkan huffaz yang juga mahir dalam bidang ilmu agama dan akademik.

Kepelbagaian kurikulum tahfiz swasta menjadi fenomena menarik dalam landskap pendidikan di Malaysia. Kurikulum ini mengambil kira pelbagai aspek dan keperluan dalam masyarakat yang majmuk, memenuhi kehendak agama dan menyumbang kepada pembangunan generasi Muslim yang cemerlang. Setiap institusi tahfiz swasta membawa keunikan dan pendekatan yang tersendiri dalam menghasilkan huffaz yang berbakat, mahir, dan berdaya saing.

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang kepelbagaian kurikulum tahfiz di tahfiz swasta peringkat menengah, serta mengenalpasti ciri keunikan setiap model kurikulum tahfiz yang digunakan. Melalui kajian ini, diharapkan dapat memberi panduan kepada ibu bapa dalam memilih institusi tahfiz yang sesuai untuk anak-anak mereka dan dalam menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi serta meningkatkan keberkesanan kurikulum tahfiz dalam menghasilkan huffaz yang berkualiti. Dengan adanya pemahaman yang mendalam mengenai kepelbagaian kurikulum tahfiz swasta, diharapkan pendidikan tahfiz di Malaysia dapat terus berkembang pesat dan memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan agama dan pembangunan negara.

Penyataan Masalah

Pendidikan agama khususnya hafazan al-Quran di Malaysia pada masa kini semakin kian mendapat sambutan di kalangan umat Islam dengan tidak mengira pelbagai latar belakang. Pendidikan aliran agama ini tidak dapat dinafikan dapat menguatkan jati diri remaja yang diperoleh dalam proses pemahaman al-Quran yang membangun peribadi muslim yang kuat berpegangan dengan agama Islam malah membimbing mereka dalam membuat keputusan yang benar dan menghindari perlakuan dan perbuatan yang menyalahi tuntutan agama.

Menurut kenyataan akhbar oleh Mudir Madrasah Pusat Pengajian Asas dan Lanjutan Tahfiz (PPALT) Badrulhisham Ibrahim adalah dipetik menyatakan bahawa masyarakat khususnya para ibu bapa mengambil jalan menghantar anak-anak mereka ke institusi agama khususnya pusat tahfiz dalam mendalami al-Quran sebagai inisiatif yang terbaik dalam mendidik anak-anak serta mencegah mereka dari terjebak dalam penyakit sosial.²⁹¹

Institusi pendidikan menengah adalah merupakan peringkat pengajian yang diberi perhatian oleh para ibu bapa yang menginginkan anak mereka mendapat pendidikan yang terbaik. Institusi tahfiz di Malaysia terdiri daripada kelolaan bawah kerajaan atau Kementerian Pelajaran Malaysia dan swasta. Dalam keadaan ini sekolah menengah agama di bawah kerajaan sentiasa menambat hati para ibu bapa yang sedia maklum dengan ketersusunannya dalam

²⁹¹ Muhammad Saufi Hassan. (2016, Julai 12). Dulu tak solat, kini imam. MyMetro.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/07/151155/dulu-tak-solat-kini-imam>

pentadbiran, kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, fasiliti dan pelbagai aspek lain. Dengan kuota yang diberi oleh sekolah agama di bawah kerajaan sentiasa penuh menyebabkan lambakan murid-murid yang tidak dapat mendaftarkan diri atas faktor pemilihan murid yang agak ketat. Oleh kerana institusi tahfiz kerajaan sangat terhad pengambilannya, maka lebihan tersebut telah ditampung oleh institusi tahfiz swasta. Tahfiz swasta turut bergerak selari dengan permintaan semasa dalam arus pendidikan perdana.²⁹²

Apa yang lebih menarik lagi apabila ada segelintir pihak pengurusan tahfiz swasta merekacipta silibus yang menjadi model dan sumber utama dalam pengajian di institusi mereka. Malah dikatakan ada yang lebih berinovasi telah menggabungkan ilmu hafazan dengan ilmu-ilmu konvensional lain yang lebih bersifat teknikal.²⁹³ Disokong oleh Noorhisham Nawi bahawa banyak institusi tahfiz terkini yang tidak tertumpu aspek hafazan sahaja, malah ada yang menggabungkan dengan pengajian akademik, pengajian kitab turath, kemahiran dan lain-lain.²⁹⁴

Terdapat institusi yang menawarkan bidang pendidikan hafazan Al-Quran di peringkat sijil, diploma dan ijazah serta ada juga institusi yang membuka kursus hafazan Al-Quran dengan berbagai-bagai peringkat pendidikan sama ada sekolah menengah atau sekolah rendah atau pra persekolahan atau pusat asuhan kanak-kanak.²⁹⁵ Ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan dan sistem tahfiz swasta semakin mendapat tempat di hati masyarakat kita.

Di peringkat pengusaha tahfiz, mereka mempunyai haluannya tersendiri yang menyumbang kepada pelbagai bentuk kurikulum tahfiz yang dibina dalam mencapai hasrat peribadi penubuhan sekolah tersebut berbanding sekolah kerajaan yang selari mengikut kurikulum tahfiz yang dibina. Namun begitu, terdapat beberapa perbezaan di antara institusi tahfiz kerajaan dan institusi tahfiz swasta iaitu dari segi kurikulum dan model pengajaran yang digunakan.

Menurut Zulazizi Mohd Nawi (2021) bahawa kecenderungan ibu bapa yang memilih pendidikan tahfiz kerana berhasrat ingin melahirkan anak-anak seperti golongan ulama-ulama terdahulu atau kontemporari, cendekiawan muslim yang hebat serta generasi al-Quran yang profesional (teknokrat tahfiz).²⁹⁶ Berdasarkan hasrat tersebut ibu bapa memilih jenis kurikulum yang sesuai dengan keinginan mereka dalam menempatkan anak-anak mereka di tahfiz kerajaan mahupun swasta.

Namun, di peringkat menengah menjadi satu halangan buat ibu bapa dalam menempatkan anak dalam bidang tahfiz khususnya tahfiz swasta apabila sebahagiannya masih tidak memahami

²⁹² Solahuddin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November.

²⁹³ Solahuddin Ismail. (2016). *Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran*. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November

²⁹⁴ Noor Hisham Md Nawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, Nasrul Hakim Salleh. (2014). *Matlamat dan Halatuj Sistem PengAjian Tahfiz di Kelantan; Satu Pengamatan wal*. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014.

²⁹⁵ Ibid.4

²⁹⁶ Muhammad Zulazizi Mohd Nawi, Mohd Rashidi Omar, Muhamad Amirul Nor. (2021). *Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan*. Asian People Journal (APJ). Universiti Sulatan Zainal Abidin (UNISZA). 132.

dengan panggilan tahfiz moden, tahfiz integrasi, tahfiz pondok, tahfiz kemahiran dan sebagainya. Hal ini kerana panggilan tersebut terkait rapat dengan kurikulum yang diguna pakai di institusi tahfiz. Ibu bapa menjadi bingung dan kurang keyakinan dalam pilihan yang dibuat untuk anak-anak mereka. Pemilihan tempat dan jenis institusi tahfiz bagi pihak ibubapa semestinya mempunyai justifikasi dan halatuju tersendiri. Oleh itu, kajian ini menjelaskan jenis kurikulum pengajian tahfiz di peringkat swasta serta ciri dan keunikannya supaya menjadi panduan buat ibu bapa dalam menentukan jenis kurikulum tahfiz yang sesuai.

Sejarah Kurikulum Hafazan Al-Quran Di Malaysia

Pengajian agama Islam tidak asing lagi sejak bermula berkembang Islam di Tanah Melayu ini sehinggakan tercetus idea bagi Bekas Perdana Menteri yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1966 yang menyarankan untuk menubuhkan maahad tahfiz secara formal dengan nama Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Malaysia. Kemudian dinaiktarafkan kepada Darul Quran di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan beroperasi di Komplek Darul Quran di Kuala Kubu Bharu yang berasaskan al-Quran dan akademik. Perkembangan pendidikan tahfiz kian terus berkembang mengikut keperluan masyarakat yang semakin sedar akan kepentingan beragama khususnya hafazan al-Quran yang mampu membentuk keperibadian anak yang unggul dan mengurangkan masalah disiplin dan gejala sosial.²⁹⁷

Rentetan daripada penubuhan institusi tahfiz secara formal, seluruh negeri di Malaysia turut mewujudkan institusi tahfiz negeri masing-masing bermula di Terengganu pada tahun 1984 dengan nama Institut al-Quran Terengganu, yang turut menggunakan sukatan kurikulum Darul Quran (Sedek Ariffin, 2012)²⁹⁸.

Seiring dengan itu, institusi tahfiz swasta juga mula menapak di Malaysia dan tumbuh umpama cendawan selepas hujan. Raudhatul Tahfiz al-Quran di Jeram merupakan institusi tahfiz persendirian yang pertama di Malaysia. Kebanyakan institusi tahfiz swasta mengambil sukatan dari India dan Pakistan serta pembelajarannya adalah secara tradisional yang disesuaikan dengan keperluan tempatan. Matlamatnya adalah untuk menyampaikan ilmu Pendidikan Islam dan Pendidikan al-Quran semata-mata serta menyempurnakan hafazan sebelum tamat pengajian. Sistem pembelajarannya juga adalah secara menadah kitab turath atau di Malaysia dikenali sebagai kitab kuning dan para pelajar perlu duduk di sekeliling tuan guru dalam bentuk bulatan yang disebut halaqah tanpa kerusi, meja dan peralatan mengajar.²⁹⁹

Sekolah tahfiz swasta merupakan sekolah yang beraliran tahfiz atau hafazan al-Quran yang ditubuhkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau persendirian atau syarikat. Kebanyakan tahfiz swasta menggunakan modul pembelajaran yang dimodulkan sendiri oleh

²⁹⁷ Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnain Zakaria, Mahiz Spawi, Selamat bin Amir, (2016). Sistem Pendidikan Dan Pengajaran Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Inovasi Di Kolej Permata Insan. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran, Darul Quran, JAKIM.

²⁹⁸

²⁹⁹ Masitah Ramli & Aizan Ali@Mat Zin. (2015). Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama Di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan Di Yik Dan Jais. *Journal al Muqaddimah*, Vol 3(3), 50-65.

pemilik institusi tahfiz mengikut pengalaman dan pengajaran yang telah diajarkan oleh guru-guru mereka terdahulu.³⁰⁰ Institusi tahfiz swasta yang didirikan adalah milik sepenuhnya oleh pengusaha institusi itu, tidak terikat dengan mana-mana pihak. Ia juga dibiayai sendiri tanpa bantuan kewangan kerajaan negeri atau kerajaan persekutuan.³⁰¹

Di Malaysia, sekolah swasta dikenali dengan pelbagai nama seperti madrasah, maahad, pondok, sekolah tahfiz dan sama ada pada peringkat rendah atau menengah. Mengenali sekolah swasta ini adalah dengan tidak menggunakan perkataan “kebangsaan” yang mana ia hanya khusus digunapakai untuk sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.³⁰² Bagi sekolah aliran agama, penggunaan nama panggilan juga dibezakan antara Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan juga Sekolah Agama Kerajaan Persekutuan (SMAP). Buat masa ini segala berkaitan penubuhan dan kawal selia sekolah swasta diletakkan di bawah kuasa pengurusan dan pentadbiran Jabatan Pendidikan Swasta (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia dengan sokongan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan Swasta, Bahagian Pendaftaran dan Piawaian serta Bahagian Penguatkuasaan.

Menurut Noor Hisham (2017) bahawa maahad tahfiz yang ditubuh banyak dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan corak kehidupan pengasas yang telah memberi kesan kepada cara dan aliran pemikiran yang dipegangnya.³⁰³ Pembangunan kurikulum pendidikan agama dibahagikan kepada 3 kategori iaitu elemen tahfiz, pengajian diniyah atau agama dan akademik.³⁰⁴ Ekoran daripada kesedaran umat Islam akan kepentingan hafazan al-Quran ini memberikan semangat kepada pihak kerajaan menerusi KPM dalam memperkasakan pendidikan tahfiz ini dengan menggubal Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Kesannya adalah dengan mewujudkan sekolah tahfiz yang berkualiti di bawah kelolaan mereka dengan menggabungkan kurikulum tahfiz al-Quran dan kurikulum arus perdana.³⁰⁵ Institusi swasta tidak melihat sebelah mata sahaja usaha-usaha ini malah masing-masing giat mengambil inisiatif dengan mengintervensikan pelbagai kurikulum bersama dengan elemen tahfiz dalam menghasilkan produk keluaran huffaz yang professional dari sekolah mereka.

Menurut (Abdullah, 2020) ketika KPM melihat serius dengan permintaan rakyat melalui pendidikan tahfiz ini mencetuskan idea dan melakukan persidangan dalam membentuk kurikulum baharu iaitu Kurikulum Bersepadu Diniyyah (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sehinggakan kepada penjenamaan Tahfiz Model Ulul Albab pada 2014.

³⁰⁰ Azmil Hashim & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2019). Kajian Integrasi Tahfiz Swasta dan Pendidikan Arus perdana di Malaysia. Kajian Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn.

³⁰¹ Mohd Zaki Daud, Azizi Umar, Mohd Syuja' Maidin. (2012). Cabaran Pertumbuhan dan Pengelolaan Sekolah Agama Swasta di Malaysia. Diperoleh daripada <https://ipgkpi.moe.edu.my/index.php/research/read/55/Cabaran-Pertumbuhan-dan-Pengelolaan-Sekolah-Agama-Swasta-di-Malaysia>

³⁰² Ibid 12

³⁰³ Noorhisham Md Nawawi & Nasrun Hakim Salleh. (2017). Pembinaan Model Pengajian Tahfiz di Malaysia. O-JIE: Online Journal of Islamic Education, Universiti Malaya. Vol.5 No.1;

³⁰⁴ Ibid 14

³⁰⁵ Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd. Faiz Abd. Shakor. (2020). Dasar Pemerkasaan Intitusi Tahfiz di Malaysia. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academic in Syariah and Law 2020(INPAC 2020). Nilai, Negeri Sembilan.

Pelaksanaan ini telah dilaksanakan di peringkat sekolah di bawah kerajaan manakala di institusi swasta juga merangka dengan pelbagai model tahfiz.

Selain gabungan antara kurikulum tahfiz dan akademik atau kurikulum asas atau dipanggil dwi-kurikulum, terdapat pelbagai gabungan yang dibawa oleh setiap maahad tahfiz bagi menggambarkan keunikan hasil acuan kurikulum mereka bawakan. Hal ini juga menjadikan satu daya penarik kepada masyarakat terhadap institusi swasta walaupun di sebaliknya terdapat dilema yang dihadapi oleh institusi swasta itu sendiri.³⁰⁶

Kepelbagaian Kurikulum Tahfiz di Peringkat Menengah

Secara umum penubuhan institusi pendidikan tahfiz melibatkan pelbagai bentuk model kurikulum tahfiz dan pelaksanaan seperti dinyatakan di dalam teras kedua Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) iaitu tahfiz integrasi akademik, tahfiz sains, tahfiz sepenuh masa, tahfiz agama dan tahfiz pemulihan.³⁰⁷ Menurut Noor Hisham (2014) bahawa sistem dan kurikulum boleh dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu tahap pendidikan, pendekatan dan kaedah serta aliran dan orientasi.³⁰⁸ Kajian ini hanya meliputi tahap pendidikan menengah pada peringkat swasta dari sudut kurikulum yang menjadi penggerak dalam mencapai matlamat dan halatuju pengajian. Pengaruh terbentuk kepelbagaian kurikulum ini terhasil dari matlamat penubuhan dan kaedah pelaksanaan setiapnya berbeza-beza antara satu sama lain iaitu yang menumpu semata pada aspek hafazan, ada yang menggabungkan dengan pengajian akademik, pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab atau jawi lama, kemahiran dan lain-lain (Noor Hisham et al., 2014; Abdul Manaf, et al, 2015; Talib, et al., 2017).³⁰⁹ Menurut Solahuddin (2016), terdapat sebahagian besar daripada beberapa institusi di Malaysia yang menggabungkan ilmu hafazan quran dengan ilmu-ilmu yang lain malah ada sebahagian daripada institusi tahfiz menggabungkan ilmu hafazan dengan ilmu-ilmu konvensional lain yang lebih bersifat kemahiran.³¹⁰ Terhasilnya kepelbagaian kurikulum ini boleh dilihat pada institusi tahfiz yang menunjukkan usaha dengan menawarkan pendidikan yang menepati konsep kesepaduan yang lebih tepat (Hisham, 2011).

Sebahagian institusi tahfiz swasta masih mengekalkan proses pengajaran tahfiz secara tradisional dan ada juga sebahagian yang sudah terkehadapan menggunakan pengajaran secara moden. Tidak dinafikan di institusi swasta ini juga dapat menyumbangkan kecemerlangan murid dalam bidang hafazan dan akademik. Sejurus itu, perkembangan maahad tahfiz yang pelbagai kurikulum telah menghasilkan beberapa model kurikulum yang boleh disimpulkan secara asas. Pengkaji telah menambah koleksi kepada pendokumentasian kepada penulisan sebelum ini yang terdapat 5 model kurikulum tahfiz iaitu tahfiz sepenuh masa, tahfiz integrasi,

³⁰⁶ Ibid 12

³⁰⁷ Dasar Pendidikan Tahfiz Negara. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ms.15

³⁰⁸ Noor Hisham Md Nawawi and Nur Azuki Yusuff and Mohd Firdaus Che Yaacob and Nasrul Hakim Salleh. (2014). Matlamat dan halatuju sistem pengajian tahfiz di Kelantan : Satu Pengamatan Awal. Diperoleh daripada <https://api.semanticscholar.org/CorpusID:164323307>

³⁰⁹ Ibid 14

³¹⁰ Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November.

tahfiz diniyyah, tahfiz turath dan tahfiz kemahiran dengan satu model terbaru iaitu tahfiz berwatak uniform sekaligus menjadikan 6 model bagi model kurikulum tahfiz di peringkat menengah setakat ini.

1. Model Tahfiz Sepenuh Masa Atau Tahfiz Tulen

Sekolah atau maahad yang melaksanakan aliran tahfiz sepenuh masa majoriti memberikan tumpuan sepenuhnya kepada hafazan al-Quran dan penjagaannya. Setiap hari hampir 13 hingga 15 jam setiap hari diluahkan hanya untuk hafazan al-Quran. Masa yang diperuntukkan dari *hifz jadid*, *hifz qadim* dan *murajaah*. *Hifz jadid* merupakan hafazan baru yang akan diperdengarkan kepada guru setiap hari. *Hifz Qadim* ini diistilahkan sebagai mengulang atau *murajaah* hafazan bagi juzuk yang sudah dihafaz secara bersendirian, bersama kawan atau guru.³¹¹ Sasaran khatam hafazan lebih kurang setahun setengah hingga dua tahun dalam menghafaz sebelum menyambung pengajian akademik. Di samping itu juga, terdapat ilmu-ilmu lain secara asas yang diajarkan kepada pelajar seperti ilmu tajwid, fardu ain, bahasa arab dan sebagainya. Penumpuan masa kepada hafazan membuatkan sedikit subjek lain yang diambil kerana tidak mahu membebankan pelajar dalam menumpukan hafazan mereka. Kebanyakan yang membawa model tahfiz sepenuh masa ini di pondok atau madrasah seperti di Madrasah Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu.³¹²

2. Model Tahfiz Integrasi

Menurut Azmil Hasyim (2019) integrasi dimaksudkan penggabungan dua atau lebih daripada unsur-unsur yang berbeza untuk menjadikan gabungan itu kukuh atau bulat.³¹³ Menurutnyanya juga integrasi ini dihasilkan untuk melahirkan kemenjadian murid apabila sudah diijazahkan dengan gelaran hafiz dan hafizah. Sekolah atau maahad yang melaksanakan aliran tahfiz integrasi menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran akademik secara serentak. Bagi model seumpama ini ia dilaksanakan berdasarkan dua keadaan iaitu sekolah tahfiz yang mempunyai kurikulum tahfiz dan akademik seperti mana kurikulum sekolah aliran perdana iaitu menggunakan kurikulum KSSM serta KBD dan KBT seperti di Maahad Integrasi Tunas Ilmuwan Selangor, Sabak Bernam.³¹⁴ Manakala sekolah tahfiz tanpa guru akademik bermakna murid perlu belajar kurikulum aliran perdana di sekolah lain atau di pusat tuisyen sebagai laluan bagi murid yang ingin mengambil SPM. Melalui isu ini, KPM telah bertindak dengan mengadakan intervensi SPM antara sekolah swasta dengan sekolah kerajaan bagi memberi peluang kepada pelajar tahfiz menduduki SPM secara formal.³¹⁵

³¹¹Muhammad Humran Mohd Sani, Muhammad Muhaimin Harun, Muhamad Iskandar Zulqarnain, Syed Najihuddin Syed Hassan. (2023). Kajian Kaedah Hafazan Al-Quran Di Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban.

³¹² Diperoleh daripada <http://markazmqkubangbuk.blogspot.com/p/madrasah-quran-kubang-bujuk.html>

³¹³ Azmil Hasyim & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2019). Kajian Integrasi Tahfiz Swasta dan Pendidikan Arus Perdana di Malaysia.

³¹⁴ Diperoleh daripada <https://mittis.edu.my/>

³¹⁵ Shuhada Abdul Kadir. Shuhada Abdul Kadir. (2019, April 15). KPM Perluas Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta. AstroAWANI. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-perluas-program-intervensi-murid-sekolah-tahfiz-swasta-maszlee-204654>

3. Model Tahfiz dan Agama

Aliran ini antara yang banyak digunapakai di kebanyakan sekolah atau maahad. Sekolah atau maahad aliran tahfiz dan agama ini menggabungkan antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran subjek agama atau diniyyah. Subjek diniyyah yang disediakan seperti Fardhu ain, Tajwid, Usuluddin, Syariah, Bahasa Arab dan bergantung di atas institusi tersebut. Aliran ini bertujuan melahirkan pelajar yang menguasai hafazan al-Quran dan menguasai ilmu agama. Seperti mana dilaksanakan di Maahad Tahfiz An-Nabawi di Shah Alam.³¹⁶ Sistem hafazan yang dilaksanakan berperingkat sehingga disahkan oleh pengetua. Ada yang menyediakan hala tuju ke peringkat lebih tinggi bagi yang mengkhatam hafazan 30 juz.

4. Model Tahfiz Pondok atau Turath

Sekolah aliran tahfiz pondok kepada aliran yang mewajibkan 30 juzuk al-Quran dan pengajian kitab turath.³¹⁷ Aliran ini bertujuan melahirkan pelajar yang menghafaz al-Quran dan menguasai kitab-kitab pondok. Aliran tahfiz bersama pengajian kitab turath adalah gabungan kurikulum hafazan al-Quran diintegrasikan dengan pengajian kitab klasik atau kitab kuning. Cetusan aliran ini hasil kerana ingin menggabungkan hafazan dan mahir dalam ilmu agama khususnya ilmu fardhu ain bagi seorang Muslim. Silibus kitab turath digunakan bergantung kepada sesuatu tempat. Antara sekolah yang mengaplikasikan aliran ini di Maahad Tahfiz Turath @ As Sofa dan Maahad Tahfiz Turath Pahang³¹⁸. Bagi negeri Selangor, pihak JAIS telah menyusun atur buku panduan Pengajaran dan Pembelajaran Kurikulum Turath beserta silibus. Subjek yang terlibat seperti Bahasa Arab, Syariah yang terkandung seperti hadis, tafsir, fekah, sirah dan akhlak.

5. Model Tahfiz Kemahiran

Sekolah aliran tahfiz kemahiran adalah gabungan antara hafazan al-Quran dengan subjek kemahiran teknikal dan vokasional (TVET). Matlamat aliran sekolah ini adalah supaya pelajar-pelajar tahfiz mempunyai kemahiran dalam membina kerjaya dan melahirkan ramai golongan huffaz teknokrat.³¹⁹ Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melancarkan TAHFIZ-TVET Malaysia pada Mac 2022. Hasil usaha ini membentuk laluan kerjaya bagi pelajar tahfiz negara serta meningkatkan kebolehpasaran graduan tahfiz dalam pelbagai bidang TVET. Bermula dari pembangunan model ini, maka ada beberapa maahad tahfiz yang menjalankan kurikulum tahfiz secara sendirian atau dengan kerjasama kolej komuniti serta kursus kemahiran dengan pelbagai bidang seperti kulinari, jahitan, motosikal, pengkomputeran, IT, elektrik, pertanian, kraf, animasi dan pelbagai lagi.³²⁰ Maahad Tahfiz

³¹⁶ Diperoleh daripada <https://yayasanannabawi.com/>

³¹⁷ Zulkifli Mohd Yusoff. (2023). Mengemudi Masa depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa. E-Prosiding International Conference On Profesional Huffaz 2023 (InFAZ), UNITEN. Diperoleh daripada <https://www.uniten.edu.my/media/6539/eprosiding-infaz-2023.pdf>

³¹⁸ Diperoleh daripada <https://www.facebook.com/tahfizturathpahang/videos/maahad-tahfiz-turath-negeri-pahang/355979852213327/>

³¹⁹ Akhbar My Metro disiarkan pada 7 Ogos 2023 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/996596/program-tvet-tahfiz-luaskan-peluang-kerjaya-pelajar>

³²⁰ Zulkifli Mohd Yusoff. (2023). Mengemudi Masa depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa. E-Prosiding International Conference On Profesional Huffaz 2023 (InFAZ), UNITEN. Diperoleh daripada <https://www.uniten.edu.my/media/6539/eprosiding-infaz-2023.pdf>

Vokasional Aman Bistari merupakan maahad tahfiz pertama yang memperkenalkan pembelajaran tahfiz dan kemahiran vokasional.³²¹

6. Model Tahfiz Berwatak Uniform

Penggabungan kurikulum tahfiz dan akademik bersama badan beruniform belum berkembang dengan luas kerana hanya beberapa institusi saja yang mengambil pendekatan ini. Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah menjalinkan kerjasama bersama APM bagi mewujudkan Sekolah Watak Zakat Kedah, Kadet Sekolah Pertahanan Awam (KASPA) yang pertama di Malaysia. Para murid diterapkan dengan nilai agama serta disiplin tinggi sepanjang tempoh pengajian, selain memiliki kemahiran tambahan berkaitan ilmu-ilmu menyelamat dan kecemasan. Antara sekolah yang terlibat di dalam kurikulum tahfiz dan akademik serta badan beruniform Kadet Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang terkini hanya terdapat 2 buah sahaja pada peringkat menengah iaitu Sekolah Zakat Negeri Kedah Maahad Dini Sultan Abdul Halim (MDSAH) Sik, Kedah dan Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat Insani, Kg. Jijan Negeri Sembilan.

Analisis Keunikan Dan Kekuatan Model Kurikulum Tahfiz Peringkat Menengah

Setiap model kurikulum tahfiz memiliki ciri-ciri unik dan kekuatan tersendiri dalam mempersiapkan pelajar untuk hafazan al-Quran dan pencapaian akademik lain. Berikut adalah beberapa ciri-ciri keunikan dan kekuatan yang terdapat dalam setiap model kurikulum tahfiz:

| Bil. | Kurikulum | Keunikan | Kekuatan | Sekolah/Madrasah/Tahfiz/Maahad |
|------|-----------------------------------|---|---|---|
| 1. | Tahfiz Tulen/Sepe nuh Masa | <ul style="list-style-type: none"> Majoriti masa pengajian banyak di fokuskan kepada hafazan dan penjagaan hafazan atau murajaah. Pembahagian masa khusus dan mencukupi dalam penjagaan hafazan. Kebanyakan tahfiz menggunakan | <ul style="list-style-type: none"> Pelajar dapat memberi tumpuan sepenuhnya untuk menguasai hafazan al-Quran dengan lebih efisien. Mereka dapat mencapai kecekapan tinggi dalam hafazan al-Quran Hafazan al-Quran lebih | <ul style="list-style-type: none"> Madrasatul Quran Kubang Bujuk, Kuala Terengganu |

³²¹ Diperoleh daripada <https://www.mtvab.com.my/>

| | | | | |
|----|---------------------------|--|--|--|
| | | <p>kaedah Deobandy, Pakistan, Turki (bergantung pada tahfiz)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Didikan lebih tegas dan berdisplin dari guru | berkualiti dan terjaga. | |
| | Tahfiz Integrasi | <ul style="list-style-type: none"> • Integrasi antara hafazan al-Quran dengan pembelajaran akademik seperti Matematik, Sains, dan lain-lain. Pelajar dapat mempelajari kedua-dua aspek secara serentak dalam satu kurikulum. • Pengajian tahfiz 30 juz • Menyediakan subjek akademik (KSSM) • Diiringi dengan kurikulum KBT dan KBD • Subjek SPM disediakan • Memilih murid yang kriteria yang diperlukan. | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dapat memperoleh pengetahuan agama dan akademik dalam masa yang sama. Ini membantu dalam meningkatkan kemahiran yang pelbagai dan meningkatkan daya ingatan pelajar. | <ul style="list-style-type: none"> • Maahad Integrasi Tunas Ilmuwan Selangor, Sabak Bernam. • Maahad Integrasi Tahfiz Insyirah |
| 3. | Tahfiz dan Diniyah | <ul style="list-style-type: none"> • Menekankan hafazan al-Quran dan pembelajaran | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar memperoleh pengetahuan mendalam dalam | <ul style="list-style-type: none"> • Maahad Tahfiz An-Nabawi, Shah Alam |

| | | | | |
|----|------------------------------------|--|---|---|
| | | <p>subjek agama seperti Tajwid, Fardhu Ain, Nahu, Sorof, Fiqh, Tafsir, Imla', Qiraah, Syariah, dan lain-lain</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengajian tahfiz 30Juz | <p>ilmu agama, selain daripada kemahiran hafazan al-Quran. Mereka dapat menjadi pakar dalam bidang agama Islam.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Darul Hafizhiin al-Furqan, Kuala Lumpur |
| 4. | <p>Tahfiz Pondok Turath</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Murid dapat menguasai dua bidang agama yang besar iaitu hafazan dan pemahaman ilmu agama melalui pengajian kitab kuning atau klasik seperti pondok. • | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar mendalami pemahaman Islam melalui pembacaan kitab-kitab turath. • Mereka memperoleh pengetahuan mendalam tentang hukum-hakam dalam Islam • Memahirkan pelajar menguasai prinsip-prinsip ilmu agama, merungkai permasalahan-permasalahan yang rumit dan melahirkan ulama yang pakar dalam pelbagai disiplin ilmu agama serta teliti dan halus dalam pandangannya | <ul style="list-style-type: none"> • Maahad Tahfiz Turath @ As Sofa |

| | | | | |
|----|--|--|--|--|
| | Tahfiz Kemahiran | <ul style="list-style-type: none"> • Gabungan antara hafazan al-Quran dengan kursus kemahiran teknikal dan vokasional (TVET). • Pengajian tahfiz 30 juz • Diniyah asas (bergantung di atas institusi) • Menyediakan kursus kemahiran yang diiktiraf sijilnya • Kerjasama dengan badan-badan yang berkeelayakkan dengan kemahiran yang disediakan • Memberi peluang murid yang kurang cemerlang dalam akademik atau yang minat dalam kemahiran. • Tahap umur boleh mencapai 20an | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar memperoleh kemahiran praktikal yang relevan dengan kehidupan kerjaya selepas tamat pengajian. • Mereka memiliki pilihan untuk menjadi huffaz yang mahir dan mempunyai kemahiran yang berguna. | <ul style="list-style-type: none"> • Maahad Tahfiz Vokasional Aman Bistari • Maahad Tahfiz Nur Fattah • Tahfiz Vokasional Ahmadiyah |
| 8. | Tahfiz Watak Beruniform | <ul style="list-style-type: none"> • Integrasi hafazan al-Quran dengan disiplin dan nilai-nilai | <ul style="list-style-type: none"> • Pelajar dibimbing dalam membina kepimpinan, disiplin, dan | <ul style="list-style-type: none"> • Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat Insani, Kg. Jijan Negeri Sembilan • |

| | | | | |
|--|--|---|--|--|
| | | <p>berwatak uniform seperti badan beruniform seperti Kadet Pertahanan Awam Malaysia (APM) atau Kadet Remaja Sekolah Malaysia (KRS).</p> <ul style="list-style-type: none"> • Separa regimental • Pengajian tahfiz 30 juz • Menyediakan kurikulum kebangsaan atau akademik termasuk bagi calon SPM • Menyediakan KBD dan KBT (bergantung di atas institusi) • Menyediakan intervensi SPM bersama sekolah kerajaan(bergantung atas institusi) • Bekerjasama dengan badan beruniform rasmi bagi pengiktiran pangkat seperti di IPT • Mendidik murid | <p>watak yang baik melalui latihan ketenteraan dan nilai-nilai berwatak uniform.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mereka dapat menjadi pelajar yang berdisiplin dan bertanggungjawab. | |
|--|--|---|--|--|

| | | | | |
|--|--|--|--|--|
| | | berdisplin berwatak badan beruniform mengikut peranannya dalam menyumbang jasa kepada orang ramai. <ul style="list-style-type: none"> • Memberi peluang kepada murid yang minat menghafaz | | |
|--|--|--|--|--|

Penutup dan cadangan

Tuntutan menghafal merupakan satu tuntutan fardhu kifayah di samping kemuliaan buat penghafal al-Quran yang dijanjikan melalui kitab Allah dan hadis Nabi SAW. Melalui tuntutan ini telah memacu semangat pelbagai pihak dalam membangunkan institusi tahfiz al-Quran serta reka bentuk kurikulum tahfiz yang pelbagai seiring dengan permintaan masyarakat yang mempunyai matlamat tersendiri. Justeru itu, setiap model kurikulum tahfiz yang terhasil mempunyai keunikan dan kekuatan yang tersendiri dalam mencapai objektif bagi sesebuah institusi yang dibangunkan. Namun, bagi pihak yang menjalankan kurikulum tahfiz perlu lebih meneliti kurikulum yang dijalankan agar seiring dengan pendidikan semasa. Ibadat turut berperanan dalam memilih tahfiz yang sesuai dalam menempatkan anak-anak dengan tidak tertumpu matlamat peribadi serta kurikulum tahfiz yang dijalankan walaupun jelas kebaikan tugas seorang pembawa al-Quran atau Hamalatul Quran. Cadangan bagi kajian seterusnya dengan lebih mendalami data-data sekolah tahfiz yang menggunakan model tahfiz dan menganalisis kelebihan dan kekuatan penerimaan masyarakat terhadap model tersebut. Kajian ditambah dengan meneliti lebih dalam kelemahan dan kekurangan bagi yang menjalankan kurikulum tahfiz menggunakan model-model tahfiz tersebut.

Rujukan

- Abdul Manaf, U. K., Ilias, N. F., & Nor Azman, A. H. (2015). Academic expectations of MARA stakeholders on the Ulul Albab curriculum at a MARA Junior Science College. *Journal of Creative Practices in Language Learning and Teaching (CPLT)*, 3(1), 47-59.
- Ahmad Bazli Ahmad Hilmi, Zulkarnain Zakaria, Mahiz Spawi, Selamat bin Amir, (2016). *Sistem Pendidikan Dan Pengajaran Al-Quran Untuk Pelajar Pintar Berbakat: Inovasi Di Kolej Permata Insan. Memperkasa Generasi Penghafaz al-Quran*, Darul Quran, JAKIM.

- Norazura Abdul Rahman. (2023, Ogos 7). Program TVET Tahfiz Luaskan Peluang Kerjaya Pelajar. Akhbar My Metro disiarkan pada 7 Ogos 2023 <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/08/996596/program-tvet-tahfiz-luaskan-peluang-kerjaya-pelajar>.
- Azman Ab Rahman, Afaf Sukari, Nurul Nadia Nozlan, Mohamad Anwar Zakaria & Muhd. Faiz Abd. Shakor. (2020). Dasar Pemerkasaan Intitusi Tahfiz di Malaysia. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academic in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020). Nilai, Negeri Sembilan.
- Azmil Hashim & Mohd Marzuqi Abdul Rahim. (2019). Kajian Integrasi Tahfiz Swasta dan Pendidikan Arus perdana di Malaysia. Kajian Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia dan Yayasan Guru Tun Hussein Onn.
- Masitah Ramli & Aizan Ali@Mat Zin. (2015). Sejarah (Tipologi) Penginstitusian Sekolah Agama Di Malaysia: Satu Analisis Perbandingan Di Yik Dan Jais. *Journal al Muqaddimah*, Vol 3(3), 50-65.
- Matlamat dan Halatuju Sistem PengAjian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition On Islamic Education 2014.
- Mohd Zaki Daud, Azizi Umar, Mohd Syuja' Maidin. (2012). Cabaran Pertumbuhan dan Pengelolaan Sekolah Agama Swasta di Malaysia. Diperoleh daripada <https://ipgkpi.moe.edu.my/index.php/research/read/55/Cabaran-Pertumbuhan-dan-Pengelolaan-Sekolah-Agama-Swasta-di-Malaysia> .
- Muhammad Humran Mohd Sani, Muhammad Muhaimin Harun, Muhamad Iskandar Zulqarnain, Syed Najihuddin Syed Hassan. (2023). Kajian Kaedah Hafazan Al-Quran Di Sekolah Rendah Islam Integrasi (Tahfiz) Darul Ulum Sriidu, Seremban.
- Mohd Nawawi, M.Z., Omar, M.R., Mohd Nor, M.A. (2021). Tahfeez Education System in Malaysia, Parental Choice and Andalus Islamic Education Heritage: A Review. *Asian People Journal*, 4(1), 132-147.
- Muhammad Saufi Hassan. (2016, Julai 12). Dulu tak solat, kini imam. MyMetro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/07/151155/dulu-tak-solat-kini-imam>
- Noor Hisham Md Nawawi, Nur Azuki Yusuff, Mohd Binyamin Che Yaacob, Nasrul Hakim Salleh. (2014).
- Noorhisham Md Nawawi & Nasrun Hakim Salleh. (2017). Pembinaan Model Pengajian Tahfiz di Malaysia. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education, Universiti Malaya*. Vol.5 No.1

Shuhada Abdul Kadir. (2019, April 15). KPM Perluas Program Intervensi Murid Sekolah Tahfiz Swasta. AstroAWANI. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpm-perluas-program-intervensi-murid-sekolah-tahfiz-swasta-maszlee-204654>

Solahuddin Ismail. (2016). Institusi Tahfiz Di Malaysia: Prospek Dan Cabaran. Simposium Antarabangsa Tahfiz. Issue November.

Talib, N. H. F, Mohd Syafie, B. H & Tamuri, A. H. (2017). Program Pengajian Tahfiz dan Asas Penawarannya di Politeknik: Satu SorotanTinta Artikulasi Membina Ummah 3(1), ms. 115-127, e-ISSN: 2289-960X

Zulkifli Mohd Yusoff. (2023). Mengemudi Masa depan Pendidikan Tahfiz: Perspektif Malaysia dan Antarabangsa. E-Prosiding International Conference On Profesional Huffaz 2023 (InFAZ), UNITEN. Diperoleh daripada<https://www.uniten.edu.my/media/6539/eprosiding-infaz-2023.pdf>